

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi **soalan 2(b), 2(c), 2(d)** dan **soalan 4** berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

**[Lihat sebelah
SULIT**

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan kekangannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Bahasa Melayu harus dijadikan bahasa ilmu yang dapat *menyampaikan peradaban bangsa* di rantau Asia dan peringkat dunia. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha perlu dirancang dan dijalankan untuk mengilmukan bahasa tersebut. Dasar bahasa terletak pada kuasa pemimpin politik. Pemimpin perlu menetapkan dasar bahasa yang jelas untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar ilmu pengetahuan, bahasa perpaduan dan bahasa penyatuan masyarakat. Langkah menetapkan dasar yang jelas untuk mempertahankannya perlu ada dalam jiwa setiap pemimpin politik yang dipilih oleh rakyat.

Golongan profesional harus disyaratkan menulis dalam bahasa Melayu tentang kepakaran mereka sebagai syarat untuk kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan. Golongan ini, terutama mereka yang terlibat dalam bidang akademik harus menguasai kemahiran penulisan profesional dalam bahasa Melayu supaya ilmu yang dipelajari di Barat dapat dipindahkan ke bahasa Melayu untuk faedah anak bangsa. Selain itu, mengilmukan bahasa Melayu dapat direalisasikan melalui penghasilan buku ilmiah supaya dapat disebarkan kepada masyarakat. Tindakan ini perlu dilaksanakan supaya golongan profesional turut berasa cinta akan bahasa kebangsaan malah dapat membantu meningkatkan jumlah pengguna bahasa Melayu golongan intelek. Pada masa yang sama, buku yang dihasilkan akan membantu meningkatkan jumlah buku bacaan dan rujukan di Malaysia. Tindakan ini juga dapat meningkatkan jati diri golongan penulis profesional. Penerbitan artikel dan buku berbahasa Melayu yang meliputi pelbagai bidang terutama sains, teknikal dan sains sosial juga perlu dilakukan dengan giat dan disebarkan ke seluruh negara sama ada di bandar atau di luar bandar. Penyebaran yang menyeluruh ini dapat memasyarakatkan buku di samping dapat meningkatkan tahap pembacaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Usaha mengubah sikap dan cara berfikir rakyat Malaysia mestilah berfokus kepada kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta atau korporat supaya mereka dapat menguasai bahasa Melayu untuk tujuan bekerja dan berkomunikasi. Hal yang sama juga perlu dilaksanakan dalam kalangan pegawai asing yang berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta di negara ini. Bagi golongan pelajar, syarat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, kolej dan institusi pengajian tinggi harus dikekalkan. Malah, pemberian biasiswa dan pinjaman kepada pelajar tempatan dan luar negara termasuk pelajar sekolah, kolej dan universiti di Malaysia juga perlu dikenakan syarat tersebut.

Menurut statistik, penutur bahasa Melayu di dunia dianggarkan melebihi 300 juta. Bahasa Melayu merupakan bahasa keempat dalam turutan penutur terpenting selepas bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Hindi. Oleh itu, Kementerian Palajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia perlu membentuk kerjasama dengan mana-mana negara yang menawarkan kursus atau pengajian bahasa Melayu. Dengan cara itu, bahasa Melayu akan berfungsi sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai bidang seperti teknologi komputer, sains, perniagaan dan perubatan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Bahasa Melayu Bahasa Ilmu"
Oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah, *Pelita Bahasa*, Januari 2009)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2(a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyampaikan peradaban bangsa*.
[2 markah]
- (ii) Apakah kesan-kesan mengilmukan bahasa Melayu menerusi penghasilan buku ilmiah?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk meningkatkan penghasilan buku ilmiah dalam bahasa Melayu
[4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SUARA : Mek Bongsu mana?

WAK KELETUNG : Mek Bongsu ni, asalnya, anak
peladang di sudut sawah
Tetapi, kerana sebegitu cantik orangnya
Dengan mata yang tergenang jernih
Senyum sedih selalu menguntum
Suara sayu mendendang adik
Ha, terus diambil Saudagar Shah Alam
Tinggallah Mek dalam mahligai
Hujankah, panaskah, Mek tak perasan
Menguningkah padi Mek tak tahu
Keringkah telaga Mek tak sedar
Mek diulit, Mek mengulit
Hidup kosong tak buat apa
Tapi, akhirnya Mek sedar
Mek bongsu sedih terharu
Jari halus memohon ampun
Malu sesal hidup begitu.

(Dipetik daripada drama *Jangan Bunuh Rama-rama*
Oleh Noordin Hassan dalam antalogi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Siapakah Mek Bongsu?

[2 markah]

(ii) Kecantikan dan kekayaan bukanlah faktor utama kebahagiaan rumah tangga. Pada pendapat anda apakah faktor-faktor lain yang menjamin kebahagiaan rumah tangga.

[3 markah]

(i) Huraikan **satu** pengajaran daripada petikan di atas dan **satu** pengajaran lain yang terdapat dalam keseluruhan drama.

[4 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah maka Hang Jebat pun makan nikmat pada persantapan raja itu. Setelah sudah makan maka ia makan sirih pada puan raja lalu ia berjalan ke muka pintu istana itu. Maka Hang Jebat pun membuka pintu istana itu sebelah, maka kata Hang Jebat, “Silakanlah orang kaya naik, kerana ayapan sudah hadir.” Maka kata Laksamana, “Aku tiada mahu naik, kerana engkau hendak mengenai aku. Bukalah pintu keduanya supaya aku naik.” Setelah Hang Jebat mendengar kata Laksamana demikian itu, maka oleh Hang Jebat dibukanya pintu sebelah lagi. Maka kata Hang Jebat, “Silakanlah orang kaya naik, pintu sudah terbuka.” Maka kata Laksamana, “Baiklah.” Maka Laksamana pun menyinsing lengan bajunya, seraya memekis, katanya, “Cih, Si Jebat! Mati engkau olehku.” Serta ia melompat ke atas anak tangganya itu. Maka Hang Jebat pun menghunus kerisnya lalu menikam dada Laksamana; maka Laksamana pun melompatv ke tanah. Maka kata Laksamana, “Cih, bukan laki-laki menikam mencuri!” Maka Hang Jebat pun tertawa katanya, “Hai orang kaya aku geram melihat engkau terdiri-diri atas tangga itu, tiada tertahan hatiku!” Maka kata Laksamana, “Bukan laki-laki berani, *jika hendak bertikam berilah aku berjajak dahulu.*”

(Dipetik daripada ‘Pertarungan Tuah dengan Jebat’
Dalam antalogi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *jika hendak bertikam berilah aku berjajak dahulu* berdasarkan petikan di atas?

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah Hang Jebat melayani Laksamana ketika Laksamana datang untuk membunuhnya?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah pahlawan tidak boleh bertindak menikam curi?

[3 markah]

Soalan 2(d) Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah dihati.

*Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.*

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kota
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

Zam Ismail
Antalogi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud *Ketidaksabaran membengkak*.
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah masalah kecelakaan di jalan raya di negara ini sukar dibendung?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.
[4 markah]